

**EKONOMI PERTANIAN ORANG MELAYU  
DI TERENGGANU, 1956-1990:  
DASAR, PELAKSANAAN, DAN KESAN**

**MINI WALEK @ KHAIRIL KHALID BIN JUSOH**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2016**

**EKONOMI PERTANIAN ORANG MELAYU  
DI TERENGGANU,  
1956-1990:DASAR, PELAKSANAAN, DAN KESAN**

**oleh**

**MINI WALEK @ KHAIRIL KHALID BIN JUSOH**

**Tesis yang diserahkan  
untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2016**

## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ringkasan dan nukilan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber-sumbernya.

**MINI WALEK @ KHAIRIL KHALID BIN JUSOH**  
(SOD 0002/09(R))

Julai 2016

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kurniaNya saya diberikan kekuatan dan komitmen untuk menyelesaikan tesis ini. Dalam kesempatan ini, penyelidik ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khusus kepada Dr. Hajjah Azmah Abdul Manaf, selaku penyelia utama tesis Doktor Falsafah dalam bidang sejarah ini. Beliau telah banyak meluangkan masa, memberikan tunjuk ajar serta bimbingan sepanjang proses menyiapkan dokumen sejarah ini. Lontaran pandangan beliau yang membina, motivasi dan nasihat pada setiap kali pertemuan, menjadi panduan kepada penyelidik menyiapkan tesis ini. Tidak lupa penghargaan penyelidik kepada bekas 'sifu' semasa pengajian peringkat ijazah pertama dan sarjana, iaitu Allahyarham Prof. Madya Dr. Mohamad Isa Othman yang turut menyumbang tunjuk ajar kepada penulis. Semoga Allah merahmati dan menempatkan roh beliau dalam kalangan roh para solihin. Kepada seluruh warga Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM yang banyak membantu penyelidik dalam banyak perkara sepanjang di USM, 'terima kasih daun keladi'. Begitu juga kepada seluruh warga IPS dan USM terima kasih diucapkan. Kepada semua kakitangan Arkib Negara Kuala Lumpur dan Arkib Negara Kuala Terengganu yang tidak jemu melayani permintaan penyelidik mendapatkan khazanah yang tersimpan untuk tujuan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan, ucapan terima kasih kepada Cg Bahari Abdul Rahman yang merupakan 'orang penting' yang turut membantu penyelidik sebagai pakar rujuk bahasa. Begitu juga penyelidik berterima kasih kepada rakan-rakan sejawat di SMKSA, *Teacher* Hj Noraini Murad Shamsuddin, Pn. Nizam Mat dan semua sahabat yang membantu dalam penterjemahan bahasa Inggeris dan penyemakan dalam bahasa Melayu. Selain itu, ucapan yang sama ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan

bantuan dan pandangan secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan tesis *Ph.D* sejarah yang berjudul **“Ekonomi Pertanian Orang Melayu di Terengganu, 1956-1990: Dasar, Pelaksanaan, dan Kesan”**.

Buat insan yang sangat berjasa arwah ibu dan arwah bapa, pengorbanan kalian amat dihargai. Terima kasih kerana melahirkan, mendidik dan membesarkan anakmu ini. Tidak lupa buat arwah buat bapa mertua, serta arwah ibu mertua yang dikasihi dan hormati. Terima kasih atas segalanya. Buat isteri tersayang, Kasma bt. Abdul Rahman, jutaan terima kasih di atas motivasi yang diberikan, membantu, memahami dan tabah dengan karenah penyelidik sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Penghargaan yang sama buat buah-buah hati pengarang jantung yang soleh dan solehah, Arwah Kak Umi, Abang Wan, Angah, Alang, Ateh dan Su Cah yang menjadi inspirasi kepada penyelidik dalam menyiapkan tesis ini. Semoga usaha yang sedikit ini menjadi dorongan buat kalian dan kejayaan ini merupakan kejayaan kita sekeluarga. Terima kasih kerana memahami kesibukan ayah. Nasihat dan pesanan untuk anak-anakku, teruskan perjuangan dalam mencari ilmu fardu ain dan kifayah keranaNya, kelak menjadi sinar buat diri dan menjadi aset untuk agama, bangsa serta negara. Namun begitu, kejayaan yang hakiki adalah mereka yang mengenal Pencipta dan tidak ragu tentang pertemuan dengan Rabb mereka. Semoga Allah mengampunkan akan segala kesalahan, meredhai serta merahmati kehidupan kita semua serta roh-roh mereka telah kembali menemuiNya. Semoga mereka ditempatkan bersama insan-insan yang terpilih oleh Robbul Jalil. Akhir kalam, semoga catatan sejarah ini dapat dimanfaatkan buat semua pembaca serta mendapat keberkatan Ilahi. InsyaAllah.

Wabillahi tawfiq wal hidayah. Terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.	ii
ISI KANDUNG	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xviii

### **BAB SATU - PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Sosioekonomi Negeri Terengganu	9
1.3	Isu-Isu Penyelidikan	14
1.4	Objektif Kajian	20
1.5	Justifikasi Kajian	20
1.6	Skop dan Batasan Kajian	23
1.7	Kajian Lepas	25
1.8	Metodologi Kajian	47
	1.8.1 Kajian Arkib	47
	1.8.2 Kajian Sumber Pertama	47
	1.8.3 Kajian Sumber Kedua	48
	1.8.4 Temu bual	49
1.9	Sinopsis Teks	50

**BAB DUA - LATAR BELAKANG EKONOMI PERTANIAN  
ORANG MELAYU DI TERENGGANU  
SEBELUM 1956**

2.1	Pengenalan	58
2.2	Terengganu dan Masyarakat Tani Sebelum Kedatangan British	59
2.3	Campur Tangan British Sebelum Perang Dunia Kedua: Dasar, Pelaksanaan dan Kesan	66
2.3.1	Campurtangan British dan Pemberontakan Tani	66
2.3.2	Tanaman Padi dan Getah	73
2.4	Pendudukan Jepun: Dasar, Pelaksanaan dan Kesan ke atas Ekonomi Orang Melayu di Terengganu	79
2.5	Campur Tangan British Selepas Perang Dunia Kedua: Dasar, Pelaksanaan dan Kesan	84
2.5.1	Tanaman Padi	84
2.5.2	Tanaman Getah	94
2.6	Sektor Penternakan	103
2.7	Sektor Perikanan	108
2.8	Kesimpulan	116

**BAB TIGA - EKONOMI PERTANIAN ORANG MELAYU  
DI TERENGGANU SELEPAS MERDEKA:  
RANCANGAN MALAYA PERTAMA DAN  
KEDUA, 1956-1965**

3.1	Pengenalan	120
3.2	Dasar Pembangunan Persekutuan Tanah Melayu (PTM), Dasar dan Pelaksanaan Ekonomi Pertanian di Terengganu	122
3.2.1	Konflik Kerajaan Perikatan dan Kerajaan PAS	133
3.2.2	Pejabat Tanam Semula Getah (PRTSG)	153
3.2.3	Rancangan Tanah Pinggir (RTP) dan Tanaman Getah	164
3.2.4	Rancangan Pengairan dan Tanaman Padi	174

3.2.5	Syarikat Kerjasama dan Penglibatan Petani	179
3.2.6	Masalah Tanaman Komersil	182
3.3	Sektor Penternakan	188
3.3.1	Pelbagai Langkah Awal Pembangunan Penternakan	190
3.4	Sektor Perikanan	191
3.4.1	Kemiskinan Nelayan dan Pelbagai Strategi Baharu	191
3.5	Kesimpulan	201

**BAB EMPAT - USAHA KE ARAH PENINGKATAN TARAF  
HIDUP DAN INFRASTRUKTUR  
PERTANIAN, 1966-1970**

4.1	Pengenalan	205
4.2	Dasar-Dasar Ekonomi Pertanian, 1966-1970	207
4.3	Pelaksanaan dan Kesan Dasar Ekonomi Pertanian ke atas Orang Melayu di Terengganu	215
4.3.1	PMINT dan Usaha Sama	215
4.3.2	Konflik UMNO dan FELDA	222
4.3.3	Masalah Pemasaran Hasil Pertanian Petani dan FAMA	226
4.3.4	Kecelaruan Rancangan Tanah Pinggir (RTP)	227
4.3.5	Penambahbaikan Usaha FELCRA, FELDA, RISDA dan Persatuan Peladang	236
4.3.6	Sistem Pengairan dan Penyelesaian Masalah Tanaman Padi	242
4.3.7	Impak Guna Tenaga dan Guna Tanah	247
4.4	Sektor Penternakan: Permasalahan dan Langkah-Langkah Mengatasi	250
4.5	Sektor Perikanan: Senario Kemiskinan Nelayan dan Langkah Mengatasi	256
4.6	Kesimpulan	273

**BAB LIMA - PERMULAAN DEB: RANCANGAN MALAYSIA  
KEDUA (RMK) DAN KETIGA (RMT), 1971-1980**

5.1	Pengenalan	277
5.2	Dasar-Dasar Ekonomi Pertanian Dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK) dan Rancangan Malaysia Ketiga (RMT)	282
5.2.1	Penubuhan Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN), dan Kepakaran Luar Negara	287
5.2.2	Pelaksanaan Pelbagai Projek DEB dan Impaknya	290
5.2.3	Masalah Pengurusan Agensi-Agensi Pertanian	303
5.2.4	Impak Pembangunan Tanah Pertanian	317
5.3	Sektor Penternakan	325
5.3.1	Mengatasi Masalah Pendapatan Penternak	325
5.3.2	Kelemahan Pengurusan MAJUTERNAK	329
5.4	Sektor Perikanan	332
5.4.1	Pemodenan Infrastruktur Nelayan dan Langkah Meningkatkan Pendapatan Nelayan	334
5.4.2	Kepincangan Pengurusan Bantuan Nelayan	338
5.4.3	Kelemahan Agensi-Agensi Kerajaan dan Impak Kepada Pelaksanaan DEB	345
5.5	Kesimpulan	348

**BAB ENAM - PEMANTAPAN DEB : RANCANGAN MALAYSIA  
KEEMPAT (RME) DAN KELIMA (RML), 1981-1990**

6.1	Pengenalan	352
6.2	Dasar Rancangan Malaysia Keempat (RME), Rancangan Malaysia Kelima (RML), dan Penyesuaian Semula Strategi DEB	357
6.3	Dasar Pertanian Negara (DPN) dan Dasar Pertanian Negeri Terengganu (DPNT)	361
6.4	Pelaksanaan dan Kesan Dasar Ekonomi Pertanian di Terengganu	363

6.4.1	Konflik Agensi Kerajaan Persekutuan dengan Agensi Kerajaan Negeri	365
6.4.2	Kelemahan Pengurusan Projek	370
6.4.3	Kekurangan Kakitangan dan Kepakaran	379
6.4.4	Kekangan Informasi	384
6.4.5	Kesan Pembangunan Tanah Pertanian	392
6.5	Sektor Penternakan	399
6.5.1	Kelemahan Pelaksanaan Projek Penternakan	399
6.6	Sektor Perikanan	404
6.6.1	Kekurangan Infrastruktur Perikanan	406
6.6.2	Akta Perikanan 1984 dan Impaknya Kepada Nelayan	411
6.7	Kesimpulan	413
<b>BAB TUJUH - ANALISIS PENCAPAIAN EKONOMI PERTANIAN ORANG MELAYU DI TERENGGANU, 1956-1990</b>		
7.1	Pengenalan	415
7.2	Pencapaian Ekonomi Pertanian Orang Melayu di Terengganu, 1956-1990	416
7.3	Pencapaian Dasar Membasmi Kemiskinan dalam Sektor Pertanian di Terengganu 1956-1990	433
7.4	Kesimpulan	450
<b>BAB LAPAN - KESIMPULAN</b>		452
<b>BIBLIOGRAFI</b>		462

## SENARAI JADUAL

		<b>Muka surat</b>
Jadual 1.1	Pekerjaan utama penduduk Semenanjung Malaysia mengikut negeri dan jantina lelaki pada tahun 1947	3
Jadual 1.2	Peratus penduduk berketurunan Melayu, tahun 1911-1970	6
Jadual 1.3	Insiden Kemiskinan mengikut etnik, Strata dan negeri, Malaysia, 1970-1992	18
Jadual 2.1	Jumlah keluasan Tanaman dan Penghasilan padi di negeri Terengganu pada musim 194/46-1957/58 (kiraan ekar dan gantang)	90
Jadual 2.2	Jumlah nelayan di Terengganu Antara tahun 1948-1956	111
Jadual 3.1	Rancangan FELDA Yang dibuka di Negeri Terengganu sehingga 1965	152
Jadual 3.2	Bilangan dan jumlah keluasan dan estet getah mengikut etnik Orang Asia dan Eropah di negeri Terengganu 1958-1965	156
Jadual 3.3	Rancangan menanam semula mengikut Etnik di Terengganu dari tahun 1956 hingga 1965	157
Jadual 3.4	Bilangan dan Keluasan Tanam Semula Getah dan tanaman-tanam lain, 1956-1965	158
Jadual 3.5	Perbelanjaan bagi Rancangan Tanah Pinggir (RTP), tahun 1962-1965	174
Jadual 3.6	Pekerjaan-pekerjaan petani Mengikut jenis ladang Di Terengganu, tahun 1960	186
Jadual 3.7	Jumlah tangkapan ikan dan Bilangan nelayan di Terengganu tahun 1956 hingga 1965	194
Jadual 4.1	Kejayaan Rancangan Tanam Semula Mengikut etnik di Terengganu dari 1966 hingga 1970	248
Jadual 4.2	Keluasan dan kemajuan tanah untuk Pertanian di negeri Terengganu pada tahun 1966 dan 1970	249
Jadual 4.3	Jumlah tangkapan ikan di Terengganu Dari tahun 1966 hingga 1970	257

Jadual 4.4	Purata pendapatan nelayan di beberapa daerah di Terengganu hingga tahun 1970	264
Jadual 5.1	Purata Pendapatan Bulanan Peneroka FELDA di Terengganu, tahun 1976-1979	319
Jadual 5.2	Keluasan jenis-jenis tanaman di negeri Terengganu tahun 1970 dan 1980	321
Jadual 5.3	Pembangunan tanah pertanian Oleh agensi kerajaan, usaha sama dan swasta, di Terengganu, 1971 hingga 1980	322
Jadual 5.4	Bilangan binatang-binatang ternakan dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK) di Terengganu, 1970-1980	331
Jadual 5.5	Jumlah Tangkapan ikan dan nilai di Terengganu, tahun 1971-80	333
Jadual 5.6	Purata pendapatan bulanan Nelayan di Terengganu dari tahun 1970 hingga 1978	344
Jadual 6.1	Corak penggunaan tanah di negeri Terengganu pada tahun 1990	393
Jadual 6.2	Pembangunan Tanah Oleh Agensi Kerajaan di Terengganu, tahun 1989	394
Jadual 6.3	Keluasan komoditi yang dimajukan 1970, 1980, 1985 dan 1990	396
Jadual 7.1	Jumlah penduduk Terengganu, Peratusan penduduk Melayu dan Peratusan yang bekerja dalam sektor pertanian di Terengganu pada tahun 1911 hingga 1990	417
Jadual 7.2	Peruntukan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk sektor pertanian 1956-1990	418
Jadual 7.3	Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Terengganu Mengikut sektor (1970-1990)	420
Jadual 7.4	Keluasan guna tanah pertanian di negeri Terengganu pada tahun 1966	426
Jadual 7.5	Peratus guna tenaga sektor ekonomi di Terengganu 1970-1990	428
Jadual 7.6	Kadar kemiskinan di Malaysia dan Terengganu tahun 1970 dan 1992	435

Jadual 7.7	Jenis pekerjaan utama dan purata Pendapatan ketua rumah di Besut dan Setiu, Terengganu pada tahun 1988	437
Jadual 7.8	Jumlah pendapatan bulanan petani, penternak dan Nelayan di Terengganu Pada tahun 1970 dan 1990	440
Jadual 7.9	Pekerjaan dan peratus pemilikan harta mengikut pekerjaan di Terengganu pada tahun 1990	442
Jadual 7.10	Pandangan petani, penternak dan nelayan di Terengganu tentang faktor-faktor kegagalan DEB	444

## SENARAI LAMPIRAN

		<b>Muka Surat</b>
<b>Lampiran I</b>	Undang-Undang Kemajuan Tanah Tahun 1956	507
<b>Lampiran II</b>	The Rubber Industry (Replanting) Board-jawatankuasa Negeri bagi Da'ayah dan Penerangan kepada Rancangan No.2 Menanam Semula, 1958	508
<b>Lampiran III</b>	Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu-Rancangan Kemajuan Tanah di Jerangau, 1960	509
<b>Lampiran IV</b>	Rang Kertas Kertas bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan-Pembangunan Luar Bandar, 1960	511
<b>Lampiran V</b>	Dasar Rancangan Kemajuan Tanah Kerajaan Negeri Terengganu, 1961	513
<b>Lampiran VI</b>	Pengambilan Balik Tanah Bagi Rancangan Pembangunan Negeri, 1964	516
<b>Lampiran VII</b>	Laporan Berkenaan Tebas Tebang 1,400 ekar Ladang Getah Peringkat Kedua Rancangan Kemajuan Tanah	518
<b>Lampiran VIII</b>	Rang Kertas Bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan-Penyerahan Rancangan Tanah Chalok Kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	521
<b>Lampiran IX</b>	UMNO Kg. Rahmat Chalok- Cara-Cara Membaiki Kegagalan Rancangan Kemajuan Tanah Chalok, 1963	524
<b>Lampiran X</b>	Surat Kepada Menteri Besar Terengganu-Tindakan Pengurus LKTP, 1966	526
<b>Lampiran XI</b>	Persatuan Syarikat Nelayan Bekerjasama-sama-Rancangan Pemasaran ikan FAMA, 1969	530
<b>Lampiran XII</b>	Surat Menteri Kewangan Malaysia kepada Menteri Besar Terengganu Bertarikh 10 Mac 1966	531
<b>Lampiran XIII</b>	Surat Menteri Besar Terengganu kepada Menteri Kewangan Malaysia bertarikh 27 Mac 1966	532
<b>Lampiran XIV</b>	Kedudukan Kewangan Terengganu-Daripada Jabatan Odit Terengganu kepada Pegawai Kewangan Negeri bertarikh 13 April 1966	534

<b>Lampiran XV</b>	Kekurangan Wang Negeri-SUK kepada Setiausaha Perbendaharaan Malaysia, Kuala Lumpur	535
<b>Lampiran XVI</b>	Penubuhan Unit Perancang di Peringkat Negeri, 1972	537
<b>Lampiran XVII</b>	Memorandum Untuk Memperluaskan Skop dan Kawasan IADP Besut Bagi Merangkumi Sebahagian daripada Kawasan Projek Ketara	540

## SENARAI SINGKATAN

A.R.T.	<i>Annual Report Terengganu</i>
A.R.S.E.P.T	<i>Annual Report on the Social and Economic Progress Terengganu</i>
A.R.M.A.O.T.	<i>Annual Report Malayan Agriculture Officer</i>
A.R.F.D.	<i>Annual Report for the Federation of Malaya</i>
A.R.F.M.	<i>Annual Report for the Federation of Malaya</i>
A.R.D.A.F.M.	<i>Annual Report Department of Agriculture Federation of Malaya</i>
A.R.D.A.T.	<i>Annual Report Department of Agriculture, Terengganu</i>
A.R.R.I.D.A.M.	<i>Annual Report Rural and Industrial Development Authority of Malaya</i>
A.R.V.D.T.	<i>Annual Report of the Veterinary Department, Terengganu</i>
A.R.M.F.D.T.	<i>Annual Report of the Marine and Fisheries Department, Terengganu</i>
A.R.C.L.M.T.	<i>Annual Report Commissioner of Land and Mines, Terengganu</i>
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AJK / JK	Ahli Jawatankuasa / Jawatankuasa
B.A.T.	<i>British Adviser Terengganu</i>
Bil.	bilangan
BMA	<i>British Military Administration</i>
C.O.	<i>Colonial Office</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEB	Dasar Ekonomi Baru
dln.	dalam
D.S.F.M.	<i>Department of Statistic, Federation of Malaya</i>
DYMM	Duli Yang Maha Mulia

En.	Encik
FAMA	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
FELCRA	<i>Federal Land Consolidated and Rehabilitation Authority</i>
FMS	<i>Federated Malay States</i>
hlm.	halaman
Hj / Hjh	Haji / Hajah
IMP	<i>Independence of Malay Party</i>
Jld.	Jilid
JMBRAS	<i>Journal of Malayan Royal Asiatic Society</i>
JPM	Jabatan Pengajian Melayu
JSBRAS	<i>Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society</i>
JSEAH	<i>Journal of South East Asian History</i>
JSEAS	<i>Journal of South East Asian Studies</i>
MAJ	<i>Malayan Agriculture Journal</i>
Kg	<i>Kilogram</i>
Kg	Kampung
KMS	Kesatuan Melayu Singapura
L.O.T	<i>Land Office Terengganu</i>
LKTT	Lembaga Kemajuan Tanah Terenggau
LKTP	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
MARDI	<i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i>
MARDEC	<i>Malaysian Rubber Development Corporation</i>
MBRAS	<i>Malaysian Branch of the Asiatic Society</i>
MCA	Malay Chinese Association

MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
MIH	<i>Malaysia In History</i>
MPAJA	<i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i>
MRSH	<i>Malayan Rubber Statistical Handbook</i>
NNS	Negeri-negeri Selat
PAS	Parti Islam Sa-Malaya ( Parti Islam Se-Malaysia)
PMST	Persekutuan Persatuan Melayu SaTerengganu
peny.	penyunting
penyel.	penyelenggara
PKM	Pertubuhan Komunis Malaya
PTM	Persekutuan Tanah Melayu
RAMFM	<i>Report of Agriculture in Malaya, Federation of Malaya</i>
RDT	<i>Report on the recent Disturbance in Terengganu</i>
RKTT	Rancangan Kemajuan Tanah Terengganu
Ruj.	Rujukan
RTP	Rancangan Tanah Pinggir
SAOT	<i>Senior Agriculture Officer, Terengganu</i>
SPR	Suruhanjaya Pilihanraya
t.d.	tiada data
t.t.	tiada tarikh
terj.	terjemahan
VVIP	<i>Very-Very Important Person</i>
Vol.	<i>Volume</i>
Y.B.	Yang Berhormat

**EKONOMI PERTANIAN ORANG MELAYU DI TERENGGANU,  
1956-1990: DASAR, PELAKSANAAN, DAN KESAN**

**ABSTRAK**

Rancangan Malaysia Lima Tahun dari Rancangan Malaya Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima (1956-1990), merupakan pemangkin utama dalam meningkatkan taraf hidup dan membasmi kemiskinan dalam kalangan orang Melayu di Terengganu. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini mengkaji dan meneliti dasar, pelaksanaan, serta kesan ekonomi pertanian ke atas orang Melayu di Terengganu semasa penjajahan British dan pendudukan Jepun di negeri Terengganu sebelum tahun 1956. Selain itu, penyelidikan ini juga menganalisis pelaksanaan dasar-dasar tersebut dalam tempoh Rancangan Malaya Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima (1956-1990) serta mengukur pencapaian pelaksanaan dasar membasmi kemiskinan di Terengganu sepanjang tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB). Maklumat dan statistik daripada sumber pertama dan kedua, termasuk pelbagai laporan dan dokumen kerajaan, temu bual serta sumber-sumber lain digunakan untuk membuktikan dapatan penyelidikan ini. Penyelidikan ini mendapati bahawa pelaksanaan dasar-dasar ekonomi pertanian oleh agensi-agensi kerajaan dan dasar pembasmian kemiskinan ke atas orang Melayu di Terengganu tidak mencapai matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan. Banyak kelemahan yang dikenal pasti termasuk kelemahan dasar, agensi pelaksana dan sikap petani, penternak serta nelayan itu sendiri yang membawa kegagalan dalam mencapai matlamat tersebut. Namun begitu, pelaksanaannya dapat meningkatkan taraf hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan orang Melayu di Terengganu sehingga tahun 1990.

**AGRICULTURAL ECONOMY OF THE MALAYS IN TERENGGANU, 1956-  
1990: THE POLICIES, IMPLEMENTATION AND EFFECTS**

**ABSTRACT**

The Malaysian Five-Years Plan from the First Malaya Plan until the Fifth Malaysian Plan (1956-1990) is the main catalyst in improving the standard of living and eradicating poverty among the Malays in Terengganu. This research aims to study in depth or comprehensively the policies, their implementation and also the effects of the agricultural economy on to the Malays in Terengganu during the British Colonization and the Japanese Occupation in Terengganu before 1956. Beside that, this research not only analyzes the implementation of these policies from the First Malaya Plan (1956-1990) but also measures the achievement of the implementation of the policies which aim to eradicate the poverty among the Malays in Terengganu throughout the National Economic Policy (NEP) period. Information and statistics from the primary and secondary sources of various reports and government documents, interviews and materials other sources are used to prove this research. This research finds that the agricultural economic policies implemented by the government agencies as well as the policies to eradicate poverty among Malays did not achieve their objectives. There are many weaknesses which have been identified that lead to the failure to achieve the desired goals such as some deficiencies in the policies and the implementing agencies, beside the negative attitude among the farmers, breeders and fishermen. Nevertheless it is undeniable that there are some benefits from the implementation of those policies which

managed to improve the standard of living in addition to reducing the poverty level among the Malays in Terengganu until 1990.

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Istilah ekonomi berasal dari istilah Greek *oikos* dan *oikonomia*. *Oikos* bermaksud memenuhi kehendak ahli-ahlinya dengan membekalkan makanan, pakaian, dan tempat tinggal untuk perlindungan diri tanpa sebarang pertukaran barang dengan orang lain.<sup>1</sup> *Oikos* dan *oikonomia* merujuk kepada pengurusan rumah kerana rumah adalah asas unit ekonomi yang meliputi aktiviti bercucuk tanam dan kegiatan pengeluaran.<sup>2</sup> Adam Smith pula menghasilkan suatu teori yang komprehensif tentang pertumbuhan nilai pengeluaran dan percukaian. Beliau berpendapat bahawa ekonomi adalah kajian tentang sifat dan sebab-sebab kekayaan negara.<sup>3</sup> Manakala Lionel Robbins (1898-1984), mengatakan bahawa ekonomi adalah sains yang mengkaji tentang sikap manusia sebagai hubungan antara matlamat akhir dan barang-barangan terhad yang mempunyai kegunaan alternatif dan menyelesaikan masalah.<sup>4</sup> Manakala Milton Friedman, yang lahir pada tahun 1912 adalah pemenang Hadiah Nobel dalam bidang ekonomi mengatakan bahawa ekonomi adalah sains yang mengkaji bagaimana masyarakat tertentu menyelesaikan masalah ekonomi dan masalah tersebut akan selesai apabila alternatif terakhir dipenuhi.<sup>5</sup> Justeru, ekonomi adalah suatu ilmu yang mengkaji pengeluaran, pengagihan, pertukaran dan penggunaan bahan-bahan atau barang-barang yang bersifat kekurangan, terhad dan beraneka

---

<sup>1</sup> [www.geocities.ws/comingluck/ekonomi.htm](http://www.geocities.ws/comingluck/ekonomi.htm), 30 Julai 2015.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Paul A. Samuelson, *Economics*, New York , McGraw-Hill Book Company, 1976, hlm.1.

<sup>4</sup> Wee Chu Kok dan Sidang Pengarang, *Economics: Malaysia Adition*, Singapore, Cengage Learning Pte. Ltd., 2010, hlm.2.

<sup>5</sup> Ibid.

jenis. Ekonomi juga merujuk kepada tahap kekayaan sesebuah negara, yang merangkumi pertumbuhan ekonomi, meramal, dan prinsip-prinsip ekonomi.<sup>6</sup>

Aktiviti ekonomi pula merujuk kepada aktiviti yang membawa kepada pengeluaran barangan-barangan dan perkhidmatan, termasuklah aktiviti pertanian seperti penanaman getah, padi dan tanaman-tanaman lain.<sup>7</sup> Aktiviti ekonomi lain adalah perlombongan, kuari, perkilangan, perniagaan borong dan runcit, perkhidmatan kerajaan, perkhidmatan perbankan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti tersebut dibahagikan kepada tiga kategori iaitu, kategori primer termasuklah pertanian, perhutanan, memburu, melombong, dan memecah batu (kuari). Kategori sekunder pula adalah perkilangan, pembinaan, bekalan tenaga elektrik, dan bekalan air. Manakala kategori tertier, iaitu perkhidmatan kerajaan, perniagaan borong dan runcit, perbankan, pengangkutan dan perhubungan, pendidikan, serta kesihatan. Pembahagian ini digunakan oleh ahli-ahli ekonomi untuk mengkaji struktur dan perkembangan ekonomi sesebuah negara.

Pertanian pula adalah satu aktiviti pengeluaran makanan dan barangan untuk keperluan manusia melalui perkebunan, penanaman, penternakan dan perhutanan. Pertanian merujuk kepada pekerjaan bercucuk tanam sama ada pekebun, peladang atau pesawah.<sup>8</sup> Manakala pertanian dalam disiplin antropologi bermaksud sistem bercucuk tanam moden, yang menggunakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan

---

<sup>6</sup> Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa*, Shah Alam, Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2006, hlm.124.

<sup>7</sup> Lim Chong Yah dan Sidang Pengarang, *Struktur dan Organisasi Ekonomi*, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti, 1977, hlm.1-2.

<sup>8</sup> Sheikh Othman bin Sheikh Salim, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm.1373.

yang moden sesuai mengikut zaman berkenaan.<sup>9</sup> Sebagai contoh, pembinaan sistem pengairan, jentera moden, dan sebagainya. Penggunaan istilah ‘sektor pertanian’ dalam pengurusan ekonomi negara biasanya merujuk kepada bidang pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan. Namun begitu, dalam konteks penyelidikan ini, ‘sektor pertanian’ hanya memfokuskan kepada bidang pertanian, penternakan dan perikanan.

**Jadual 1.1: Pekerjaan Utama Penduduk Semenanjung Malaysia Mengikut Negeri dan Jantina Lelaki pada Tahun 1947**

Negeri	Jumlah Pekerja Lelaki (%)		
	Pengeluaran Padi	Pengeluaran Getah	Perikanan
<b>Terengganu</b>	<b>44.8</b>	<b>5.5</b>	<b>21.0</b>
Singapura	0	1.2	4.3
Pulau Pinang	44.1	6.8	10.9
Melaka	17.6	37.4	10
Perak	45.3	21.3	4.1
Selangor	22.1	22	2.6
Neg. Sembilan	41.3	31.3	0.9
Pahang	62.4	9.7	7.6
Johor	7.5	45.4	4.6
Kedah	68.8	13.9	2.9
Kelantan	64	7.7	6.1
Perlis	82.8	1.5	3.9

(Sumber: T.E. Smith, *Population Growth in Malaya: An Analysis of Recent Trends*, Royal Institute of International Affairs, 1952, hlm.25)

Jadual 1. 1 menunjukkan bahawa jumlah penduduk lelaki di negeri Terengganu yang terlibat dalam sektor tanaman padi, getah dan perikanan masing-masing ialah 44.8%, 5.5% dan 21.0%. Peratusan penglibatan yang besar dalam industri perikanan berbanding negeri-negeri lain menunjukkan bahawa lebih ramai penduduk di negeri ini bekerja sebagai nelayan. Hal ini tidaklah begitu menghairankan memandangkan

<sup>9</sup> Dr. Mohamed Yusof Ismail, Dr. Sarjit Singh, Azahar Ahmad Nizar, dan Sheith Faikis Abu Bakar, *Manusia, Masyarakat dan Budaya*, Kuala Lumpur, Open University Malaysia, 2010, hlm.74-75.

Terengganu memiliki pantai yang lebih panjang iaitu sejauh lebih 130 batu berbanding negeri-negeri lain, sebagai contoh, negeri Kelantan hanya mempunyai 60 batu panjang pantainya.<sup>10</sup> Jelaslah bahawa, negeri Terengganu merupakan sebuah negeri pertanian dari segi sejarah dan geografinya.

‘Orang Melayu’ pula merujuk kepada suatu bangsa dan bahasa.<sup>11</sup> Manakala dari sudut antropologi, Melayu dianggap sebagai salah satu kelompok yang tergolong dalam kelompok ras Mongoloid, cabang Selatan. Namun demikian, tidak semua ahli antropologi bersetuju bahawa orang Melayu tergolong dalam kelompok Mongoloid. Hal ini demikian kerana, sejak sekian lama orang Melayu merupakan kelompok yang sudah menetap secara berasingan. Tambahan pula, mereka tidak berkulit kuning yang menunjukkan bahawa telah berlaku percampuran antara Mongoloid dan Australoid.<sup>12</sup> Namun begitu, apabila membincangkan istilah ‘Melayu’ para sarjana bersependapat bahawa istilah tersebut merujuk kepada satu rumpun bangsa yang terdapat di Nusantara. Istilah Melayu merujuk kepada satu bangsa yang terdapat di Tanah Melayu dan istilah kemelayuan pula membawa maksud satu rumpun bangsa yang mengamalkan unsur-unsur tradisi dan adat istiadat tersendiri.<sup>13</sup> Bagi R.O. Winstedt, beliau berpendapat bahawa bangsa Melayu merangkumi keseluruhan orang Melayu yang tergolong dalam gugusan Malayo-Polinesia, yang meliputi Myanmar, Kemboja, Kepulauan Indonesia, Malaysia, dan kepulauan Polinesia sehingga ke Hawaii.<sup>14</sup> Pendapat ini dipersetujui oleh Ismail Hussein yang menyatakan bahawa sempadan dunia Melayu asalnya merangkumi Selatan Vietnam dan Kemboja, termasuk

---

<sup>10</sup> R. Firth, *Nelayan Melayu: Ekonomi Tani Mereka*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.39-41.

<sup>11</sup> *Kamus Dewan, Edisi Baharu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 874.

<sup>12</sup> Ishak bin Saat, *Radikalisme Melayu Dari Perak 1945 -1970: Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan, dan Pengorbanan*. (Tesis Ph.D) Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2007, hlm.37.

<sup>13</sup> *Ibid.* hlm.38.

<sup>14</sup> R.O.Winstedt, *The Malays, A Cultural History*, Singapore, Graham Brash, 1981, hlm.4.

keseluruhan Segenting Kra hingga ke kawasan Selatan Myanmar di kawasan utara. Manakala di bahagian selatan pula termasuk Borneo, Indonesia, Brunei, dan Filipina.<sup>15</sup> Beliau menegaskan bahawa hubungan tersebut tidak terbatas untuk kedudukan geografi semata-mata, bahkan termasuk hubungan pertalian darah, kebudayaan dan bahasa Melayu itu sendiri.<sup>16</sup> Manakala Dr. Burhanuddin al-Helmy seorang pejuang kebangsaan Melayu berpendapat bahawa bangsa Melayu itu berteraskan kepada ideologi kebangsaan Melayunya dengan mengaitkan fakta-fakta sejarah, geografi, dan kebudayaan serantau Nusantara sebagai justifikasi kebangsaan Melayu. Kebangsaan Melayu bukan sahaja berasaskan keturunan berbangsa Melayu, tetapi berdasarkan pembinaan kebangsaan Melayu mengikut tabiat semulajadi, kedudukan bumi, keturunan pusaka, kebudayaan baka, dan penduduk hak mutlak bumi pertiwi ini.<sup>17</sup> Melayu merujuk kepada kepelbagai suku kaum seperti Melayu-Terengganu, Melayu-Arab, Melayu-Patani, Melayu-Bugis, dan Melayu-Semenanjung yang menetap dan menjadi rakyat Terengganu sehingga tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948. Dalam konteks penyelidikan ini, Melayu yang terlibat ialah mereka yang menjadi kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu (PTM), kemudiannya Malaysia yang menetap di Terengganu dari tahun 1956-1990. Mereka terlibat dalam sektor pertanian sama ada sebagai petani, penternak atau nelayan sebagai pekerjaan utama.

---

<sup>15</sup> Ismail Hussein, "Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan" dlm. Ismail Hussein, Wan Hashim Wan The, dan Ghazali Shafie, *Tamaddun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1997, hlm.14.

<sup>16</sup> Ibid.hlm.18-19.

<sup>17</sup> Ishak bin Saat, *Radikalisme Melayu Dari Perak 1945 -1970: Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan, dan Pengorbanan*, hlm.39.

Jadual 1.2: **Peratus Penduduk Berketurunan Melayu, Tahun 1911-1970 di Semenanjung Malaysia**

Negeri	Tahun (%)							
	1911	1921	1931	1947	1957	1970	1980	1991
<b>Terengganu</b>	<b>97.1</b>	<b>94.7</b>	<b>91.5</b>	<b>92.0</b>	<b>92.1</b>	<b>93.7</b>	<b>93</b>	<b>95</b>
Johor	61.0	55.9	46.4	43.8	48.0	53.4	-	-
Kedah	80.4	70.0	66.6	68.0	67.8	70.6	-	-
Kelantan	93.8	92.6	91.2	92.1	91.6	92.4	-	-
Melaka	63.5	56.3	51.0	50.3	49.1	51.8	-	-
Negeri Sembilan	53.6	43.4	37.3	41.3	41.5	45.3	-	-
Pahang	73.4	70.0	61.7	54.3	57.2	61.2	-	-
Pulau Pinang	41.2	36.3	32.7	30.5	28.8	30.6	-	-
Perak	40.3	39.9	35.7	37.8	39.7	43.0	-	-
Perlis	90.4	85.2	80.9	78.3	78.4	79.1	-	-
Selangor	22.1	22.9	23.1	28.8	28.8	34.5	-	-

(Sumber: R. Chander, *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, Jilid I-Jadual-Jadual Asas Penduduk Bahagian VII- Terengganu*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1977, hlm.37.

Dari segi peratusan penduduk, etnik Melayu merupakan etnik terbesar sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2 iaitu melebihi 90% dari tahun 1911 hingga 1991 berbanding dengan negeri-negeri lain dan etnik-etnik lain. Tambahan pula, peratusan penglibatan yang tinggi dalam penanaman padi, getah, dan perikanan sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini amatlah relevan dengan penyelidikan yang memfokuskan orang Melayu yang terlibat dengan sektor pertanian di Terengganu. Oleh itu, tiga elemen dalam penyelidikan ini iaitu, 'ekonomi', 'pertanian' dan 'orang Melayu' merupakan elemen penting dalam ekonomi pertanian orang Melayu di Terengganu yang melibatkan peranan kerajaan dalam menentukan dasar dan pelaksanaan ekonomi pertanian ke atas petani, penternak dan nelayan. Pada masa yang sama, peranan agensi-agensi pertanian kerajaan yang terlibat dalam membantu dan menggerakkan orang Melayu yang terlibat dalam sektor pertanian,

penternakan dan perikanan di Terengganu dari tahun 1956 hingga 1990 turut menjadi fokus utama dalam penyelidikan ini.

Di samping itu, isu kemiskinan juga merupakan isu pokok dalam penyelidikan ke atas orang Melayu yang terlibat dalam sektor pertanian di Terengganu. Majoriti orang Melayu di Terengganu yang berada dalam sektor pertanian dan kebanyakannya tinggal di luar bandar adalah miskin. Statistik pada tahun 1970 telah menunjukkan bahawa kadar kemiskinan pertanian di Malaysia adalah sebanyak 68.3%. dan 68.9% kemiskinan di Terengganu.<sup>18</sup> Namun begitu, data kadar kemiskinan di Malaysia telah dipersoalkan oleh ahli-ahli politik dan akademik dari segi hukum statistik. Hal ini adalah kerana berdasarkan pengumuman semasa RML, kadar kemiskinan di Malaysia pada tahun 1984 adalah hanya 18.4%, sedangkan kadar kemiskinan pada tahun 1976 sebanyak 39.6% dan sebanyak 49.3%, pada tahun 1970. Penurunan ini dianggap tidak munasabah dan mengelirukan dari segi statistik ekonomi. Tambahan pula, sumber data ini tidak pernah diterbitkan dan tidak ada cara menyemak yang disahkan, serta termasuk cara pengiraannya menyebabkan dapattannya dipersoalkan dari segi hukum statistik. Namun begitu, oleh sebab tidak ada data lain, maka angka rasmi ini terpaksa digunakan.<sup>19</sup> Oleh itu, pengurangan kadar kemiskinan rasmi di Semenanjung Malaysia daripada 39.6% tahun 1976 kepada 18.4% pada tahun 1984 adalah sukar diterima.<sup>20</sup>

Selain itu, penggunaan dua data Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang berlainan oleh badan perancangan ekonomi negara juga turut dipersoalkan. PGK \$25 perkapita

---

<sup>18</sup> Chamhuri Siwar dan Mohd Hafiah, *Dasar dan Strategi Pembasmian Kemiskinan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm.117.

<sup>19</sup> K.S.Jomo, "Rancangan Malaysia Kelima: Suatu Tinjauan", dlm. Mohd Hafiah Piei dan Chamhuri Siwar, *Rancangan Malaysia Kelima*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm.38.

<sup>20</sup> Ibid.

sebulan pada tahun 1970 digunakan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU). Manakala Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU) dan Bank Dunia (IBRD) pula menggunakan PGK \$33 perkapita pada tahun 1970.<sup>21</sup> Perbezaan ini menimbulkan masalah kepada ahli akademik dan pegawai perancang negara serta boleh menjejaskan imej negara.

Pada pertengahan tahun-tahun 1980-an pula, PGK yang digunakan oleh EPU sekitar \$300 sebulan bagi sebuah isi rumah purata. Sementara itu PGK SERU-IBRD pula menggunakan PGK \$400 sebulan selepas mengambilkira kenaikan dalam harga pengguna dan pengurangan kecil dalam saiz isi rumah purata. Selain itu, dua PGK yang berbeza sering digunakan oleh Y.B. En.Anwar Ibrahim pada November 1983 ketika mengumumkan kadar kemiskinan tahun 1983 iaitu sebanyak 42.8%. Sebaliknya, pada Mac 1984 dalam Kajian Separuh Penggal RME pula beliau mengumumkan PGK sebanyak 30.35%.<sup>22</sup> Pengumuman yang berbeza dibuat kerana ahli politik dan ahli akademik menggunakan data rasmi yang dikeluarkan sebelum ini untuk mengkritik kerajaan, maka kerajaan terpaksa mengubah datanya. Jika angka baharu ini dipercayai, maka sasaran rancangan perspektif DEB bagi tahun 1990 bagi mengurangkan kadar kemiskinan kepada 16.7% lebih cepat berjaya.<sup>23</sup> Penurunan yang sangat besar paras kemiskinan daripada 30.3 % pada tahun 1984 kepada 18.4%, adalah sesuatu yang sukar diterima.<sup>24</sup> Oleh itu, data kemiskinan di Malaysia yang tidak tepat dan diragui memberi impak negatif kepada hasil-hasil penyelidikan. Namun begitu, penyelidik masih menggunakan data rasmi kerajaan dalam semua analisis bagi menghasilkan dapatan penyelidikan ini.

---

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Ibid.

## 1.2 Latar Belakang Sosioekonomi Negeri Terengganu

Negeri Terengganu terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, bersebelahan negeri Kelantan di bahagian utaranya dan Pahang di bahagian selatan. Kedudukannya yang berhadapan dengan Laut China Selatan menyebabkan Terengganu sentiasa menghadapi angin monsun Timur Laut. Dari segi pentadbiran, Terengganu mempunyai enam daerah iaitu Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Besut, Dungun dan Kemaman. Ketika di bawah penguasaan British, Terengganu merupakan salah satu daripada lima buah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB) yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada orang Melayu.<sup>25</sup> Malah antara tahun 1947 hingga 1970, Terengganu memiliki jumlah penduduk Melayu paling tinggi berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung dengan kadarnya melebihi 90%.

Sekitar tahun 1950-an hingga 1970-an, kedudukan sosioekonomi masyarakat Melayu Terengganu berada pada tahap yang kurang memuaskan. Tahap pembangunan sosioekonomi yang rendah boleh dilihat menerusi tingkat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perkapita negeri. Pada tahun 1965, KDNK perkapita negeri Terengganu ialah \$497 juta iaitu kadar kedua terendah di Semenanjung selepas Kelantan. Dalam tempoh 10 tahun berikutnya, kadar KDNK perkapita Terengganu masih kekal di tempat kedua terendah dengan jumlah \$592 juta pada tahun 1970 dan \$737.7 juta pada tahun 1975.<sup>26</sup> Pendapatan negeri yang rendah secara jelas membayangkan kedudukan sosioekonomi yang mundur. Tambahan pula,

---

<sup>25</sup> Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin, Perkahwinan dan Perceraian Masyarakat Melayu Terengganu 1950-an-1970-an, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia, hlm. 84.

<sup>26</sup> Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia*, Kuala Lumpur, Longman, 1985, hlm. 84.

Terengganu sangat bergantung kepada sektor perikanan dan pertanian yang tidak menjamin peningkatan taraf hidup yang lebih baik dalam kalangan majoriti penduduknya yang terlibat dalam sektor tersebut.

Tahap pembangunan sosioekonomi yang rendah di negeri Terengganu pada masa itu didapati berpunca daripada kesan jangka panjang yang dialami sejak zaman pentadbiran British. British yang meletakkan keutamaan yang tinggi kepada pembangunan sektor ekonomi kolonial telah menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan yang besar dari segi kemajuan sosioekonomi di antara seluruh negeri di Tanah Melayu.<sup>27</sup> Pembangunan sosioekonomi yang pesat tertumpu di Negeri-negeri Selat (NNS) dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang terangkum dalam kerangka ekonomi kolonial. Kawasan perlombongan timah dan perladangan getah yang terdapat di pantai barat iaitu bermula dari Singapura hingga ke selatan Kedah muncul sebagai sebuah ekonomi yang tinggi tahap pembangunannya. Proses pembangunan ini pula berterusan untuk satu jangka masa yang sangat panjang kerana sistem bandar yang telah diwujudkan serta pertumbuhan ekonomi yang terhasil semasa zaman awal kemasukan British. Kemudiannya menjadi asas kepada pemusatan ruangan yang lebih hebat untuk beberapa dekad selepas itu.

Secara perbandingan, negeri-negeri di pantai timur khususnya Terengganu dan Kelantan telah jauh ketinggalan dalam pembangunan sosioekonomi khususnya dari segi pembangunan infrastruktur yang sangat diperlukan untuk pertumbuhan dan pembangunan negeri seperti pengangkutan, kesihatan, bekalan air dan elektrik serta

---

<sup>27</sup> Morshidi Sirat, *Ketidaksamaan Ruangan di Semenanjung Malaysia – Satu Tinjauan Teori Berkaitan dan Respons Kerajaan*, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1993, hlm.13.

pendidikan. Dalam kes Terengganu, negeri tersebut didapati menghadapi kesan kelembapan ekonomi dan infrastruktur yang berpanjangan terutamanya sejak separuh pertama abad ke-20.<sup>28</sup> Kemudahan awam yang tersedia di negeri ini bukan sahaja tidak memuaskan bahkan sangat berkurangan. Selain berpunca daripada proses pembangunan negeri yang lembap, kekurangan infrastruktur juga didapati berpunca daripada keluasan negeri yang agak besar sedangkan sumber kewangan adalah terhad. Laporan Tahunan Negeri 1948 misalnya menyebut bahawa negeri ini masih tidak mempunyai bekalan air paip dan sistem kumbahan pada tahun tersebut.<sup>29</sup>

Kesukaran dari segi perhubungan pula menyebabkan Terengganu pernah disifatkan sebagai *"the most inaccessible state in Malaya"* Ketika itu masih tiada jalan perhubungan khasnya di kawasan-kawasan pedalaman yang menghubungkan Hulu Kemaman, Hulu Dungun, Hulu Terengganu dan Hulu Besut dengan Kuala Krai di sebelah utara dan Kuantan atau Gambang di sebelah selatan.<sup>30</sup> Malah sebelum Perang Dunia Kedua sehinggalah ke tahun 1960an, negeri Terengganu dikatakan sebagai sebuah negeri yang termiskin dan kurang dikenali berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Apatah lagi, Terengganu memiliki 16 batang sungai yang setiap satunya hanya boleh dihubungi menerusi perkhidmatan feri. Akibat daripada kesukaran perhubungan ini, ramai penduduk khususnya yang terdiri daripada kalangan para petani menghadapi masalah untuk memasarkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan. Sehingga tahun 1969, penduduk Kampung Bukit Takal, Kampung Makdang dan Kampung Tebuang di daerah Kemaman masih menggunakan sampan memudiki sungai yang panjang dan memakan masa yang lama untuk menjual hasil

---

<sup>28</sup> Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin, *Perkahwinan dan Perceraian Masyarakat Melayu Terengganu 1950-an/1970-an*, hlm. 85.

<sup>29</sup> S.U.K.Tr. 1199/1948, *Terengganu Annual Report 1948*.

<sup>30</sup> Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin, *Perkahwinan dan Perceraian Masyarakat Melayu Terengganu 1950-an/1970-an*, hlm. 96.

pertanian mereka termasuk getah. Masalah kesukaran perhubungan seperti ini dipercayai antara punca yang menyebabkan ekonomi negeri ini terus kekal dalam bidang pertanian dan perikanan. Kelembapan dalam pembangunan sosioekonomi memberi kesan yang sangat besar terhadap penduduk di negeri Terengganu. Dalam erti kata lain, kemunduran negeri Terengganu secara keseluruhannya membayangkan kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan penduduk yang majoritinya terdiri daripada orang Melayu. Pada tahun 1970, tingkat kemiskinan di Terengganu mencecah 68.9%. Kadar ini sangat tinggi berbanding kadar kemiskinan di negeri-negeri Pantai Barat yang berada di bawah paras 50%, khususnya di Selangor yang hanya mencatatkan 29.2% sahaja.<sup>31</sup> Faktor kemiskinan dan kesempitan hidup yang dialami menyebabkan ramai penduduk Terengganu khususnya mereka yang terlibat dalam pertanian melakukan pelbagai pekerjaan tambahan untuk menampung perbelanjaan isi rumah

Selepas tahun 1957, sektor pertanian telah banyak menyumbang kepada ekonomi Malaysia pada kadar yang berbeza-beza. Pada tahun 1970 misalnya, sektor ini menyumbang hampir 29.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kadar kemiskinan luar bandar pada ketika ini adalah 58.7 peratus pada Rancangan Malaysia Kedua. Dua dekad selepas itu sumbangan tersebut telah turun kepada 8.2 peratus bagi KDNK.<sup>32</sup> Walaupun sumbangan sektor ini kepada KDNK semakin rendah namun kadar kemiskinan terus berkurang kepada 11.4 peratus (Malaysia, 2000). Pencapaian dalam pembangunan sektor pertanian sangat berhubung rapat dengan perbelanjaan pembangunan kerajaan kerana berkait dengan penyediaan prasarana pertanian, sumbangan subsidi kepada pengusaha sektor

---

<sup>31</sup> Jabatan Perdana Menteri, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976–1980*, hlm. 84

<sup>32</sup> Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*, Kuala Lumpur, Percetakan Negara, 2000, hlm.8.

pertanian, pembangunan agensi-agensi pertanian dan pembangunan teknologi pertanian. Pembiayaan pembangunan dalam setiap rancangan Malaysia adalah bertujuan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran yang produktif dalam ekonomi negara.

Setiap kali bermula Rancangan Malaysia, kerajaan memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi membiayai projek pembangunan negara. Jika diteliti hampir setiap Rancangan Malaysia terdapat pertambahan peruntukan kerajaan dalam sektor pertanian, namun peratus perbelanjaan sektor pertanian semakin berkurangan jika dibandingkan dengan perbelanjaan pembangunan. Hal ini disebabkan oleh terdapat pertambahan yang besar ke atas peruntukan pembangunan setiap lima tahun melalui Rancangan Malaysia. Pertambahan ini memberi kesan secara langsung kepada peratus perbelanjaan sektor pertanian walaupun pada hakikatnya sektor ini menerima pertambahan peruntukan setiap kali Rancangan Malaysia. Walaupun komposisi peratus perbelanjaan sektor pertanian didapati menguncup namun pada hakikatnya berlaku pertambahan peruntukan selaras dengan matlamat dan dasar kerajaan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama (RMP) kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$1,086 juta bagi membiayai pembangunan sektor pertanian bagi tempoh tersebut.<sup>33</sup> Jumlah ini menyumbang sebanyak 24.1 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan pada RMP iaitu sebanyak \$4,505 juta. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua (RMK), jumlah peruntukan perbelanjaan sektor pertanian telah bertambah iaitu sebanyak \$1,818 juta berbanding RMP.<sup>34</sup> Jumlah ini merangkumi sebanyak 22.1 peratus daripada keseluruhan jumlah peruntukan pada Rancangan Malaysia tersebut. Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) dan Rancangan

---

<sup>33</sup> Malaysia, *Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970*, Kuala Lumpur, Percetakan Negara, 1966, hlm.12

<sup>34</sup>Ibid.

Malaysia Keempat (RME) telah memperlihatkan kepada pertambahan peruntukan perbelanjaan sektor pertanian yang tinggi iaitu \$3,873 juta (RMT) dan \$6,627 juta (RME). Pertambahan peruntukan ini turut meliputi sebanyak 13 hingga 18 peratus perbelanjaan sektor pertanian sepanjang tempoh RMT dan RME. Pembangunan sektor pertanian bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) turut menyaksikan pertambahan peruntukan pembangunan kerajaan dalam sektor ini dari \$3,873 juta pada RME kepada \$6,858 juta pada RML. Namun begitu, pada Rancangan Malaysia Keenam (RM6) telah menyaksikan kerajaan mengurangkan peruntukan pembangunan ke atas sektor ini sebanyak \$830 juta (\$6,028 juta) berbanding RML sebanyak \$6858 juta.<sup>35</sup> Pengurangan ke atas perbelanjaan pembangunan adalah ekoran daripada dasar kerajaan yang mula mengalih pergantungan ekonomi negara dari sektor pertanian ke sektor perindustrian. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan kepada pembangunan sektor ini.

### **1.3 Isu-Isu Penyelidikan**

Penyelidikan tentang dasar-dasar ekonomi pertanian, pelaksanaan dan kesannya terhadap orang-orang Melayu di Terengganu yang berada dalam sektor pertanian pada tempoh 1956-1990, akan memberi tumpuan kepada dua aspek. Aspek pertama adalah dasar-dasar pertanian dan pelaksanaannya. Manakala aspek yang kedua dalam penyelidikan ini akan meneliti pencapaian dalam dasar membasmi kemiskinan terutama kepada orang Melayu di Terengganu dalam sektor pertanian. Penyelidikan ini juga dijalankan mengikut tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT)

---

<sup>35</sup> Ibid.

yang bermula Rancangan Malaya Pertama (RM1) dan Rancangan Malaya Kedua (RM2) serta diikuti Rancangan Malaysia Pertama (RMP) sehingga Rancangan Malaysia Kelima (RML).

Pelbagai dasar ekonomi pertanian dilaksanakan di negeri Terengganu mengikut kerangka Rancangan Pembangunan Lima Tahun (RPLT) Kerajaan Persekutuan bermula Rancangan Malaya Pertama (RM1) bermula 1956-1960 sehingga Rancangan Malaysia Kelima (RML), tahun 1986-1990. Oleh itu, dasar-dasar pertanian yang digubal dan dilaksanakan oleh kerajaan mengikut RPLT. Selain itu, pelaksanaan dasar-dasar ekonomi pertanian di Terengganu melibatkan pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menentukan kejayaan atau kegagalan matlamat pelaksanaan RMLT. Oleh itu, peranan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Tali Air, FELDA, FELCRA, RISDA, FAMA, MARDI dan agensi-agensi lain akan dianalisis dari segi peranan, penglibatan dan kesan dalam tempoh sebelum dan semasa DEB.

Dasar-dasar ekonomi pertanian yang dilaksanakan Rancangan Malaya Pertama (RM1) dan Rancangan Malaya Kedua (RM2) akan dianalisis dalam usaha menentukan pencapaian keluaran pertanian termasuk penghasilan getah dan tanaman-tanaman lain yang dilaksanakan untuk meninggikan *output* perkapita serta mengelakkan kesan buruk akibat kejatuhan harga getah. Selain itu, Penubuhan FELDA telah memberi kesan yang besar kepada pembangunan tanah. Begitu juga Rancangan Tanah Pinggir (RTP) dan Rancangan Tanah Terkawal (RTT) merupakan rancangan pembangunan tanah oleh kerajaan negeri yang bertujuan memberi tanah kepada mereka yang tidak mempunyai tanah dan meningkatkan pendapatan mereka

yang berada dalam sektor pertanian. Manakala dalam Rancangan Malaysia Pertama (RMP), pelaksanaan dasar-dasar ekonomi pertanian sebelumnya diteruskan dalam tempoh RM1 dan RM2. Penubuhan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu pada tahun 1965 telah mengubah dasar pertanian daripada memberi tumpuan kepada petani kepada pembangunan tanah secara ladang dengan tujuan menambah pendapatan Kerajaan Negeri Terengganu. Dengan pengenalan dan pelaksanaan dasar-dasar tersebut, penyelidik akan menjelaskan pelaksanaan dan pencapaian dalam meningkatkan pendapatan serta taraf hidup orang-orang Melayu di Terengganu dalam sektor pertanian dari tahun 1956 hingga 1970.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) menjadi asas pembentukan dasar-dasar pembangunan Malaysia yang berbeza dengan dasar-dasar sebelumnya. Dasar-dasar ekonomi pertanian dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK) hingga Rancangan Malaysia Kelima (RML) merupakan Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang. Oleh itu, Dasar Pertanian Negara (DPN) dibentuk selain daripada untuk mengekalkan sumbangan sektor pertanian dalam membantu meningkatkan hasil pertanian bahkan turut memberi perhatian kepada usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan petani. Di samping itu, DPN merupakan satu dasar untuk jangka panjang yang menyeluruh dengan mengambil kira keperluan negara pada masa tersebut. Matlamat DPN juga dibentuk untuk mengatasi masalah perbezaan pendapatan dan produktiviti yang kian meningkat antara sektor pertanian dan sektor pembuatan. Sektor pembuatan telah mengatasi sektor pertanian ketika ekonomi negara mengalami peralihan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang

semakin berkait serta saling bergantung kepada perdagangan dan ekonomi dunia. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya cabaran-cabaran baru yang memerlukan kepada perhatian yang lebih khusus dalam tempoh RME dan RML. Seterusnya, tumpuan dan usaha lain yang perlu ditingkatkan di dalam sektor pertanian adalah dalam penghasilan teknologi baru dan inovasi, dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (P&P), dalam usaha meningkatkan produktiviti dan perubahan penggunaan. Selain itu, perkara yang lebih penting untuk dilaksanakan ialah sektor pertanian perlu terus mengekalkan keupayaannya berdaya saing, sifat dinamikinya dan coraknya yang berpandukan pasaran kekangan daripada masalah yang wujud. Oleh itu, persoalan dasar-dasar tersebut semasa DEB akan dianalisis dalam penyelidikan ini.

Isu kemiskinan juga merupakan isu utama dalam penyelidikan ini. Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1970 yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, sebanyak kira-kira \$33 billion telah dibelanjakan sepanjang tempoh DEB (1970-1990) melalui pelbagai projek dan strategi yang telah dijalankan kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkaitan.<sup>36</sup> Namun begitu, pencapaian dalam program membasmi kemiskinan terutama kepada orang Melayu dalam sektor pertanian di Terengganu dalam tempoh tersebut tidak banyak berubah.

Berdasarkan jadual 1.3, menunjukkan bahawa Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri tahun 1970 hingga 1990 negeri Terengganu berada dalam kedudukan peratus kemiskinan yang tinggi. Pada tahun 1970, negeri Terengganu

---

<sup>36</sup> UPEN, Terengganu, *Pelan Tindakan Ekonomi Rakyat Terengganu 2002-2006*, hlm.47.

Jadual 1.3: Insiden Kemiskinan<sup>37</sup> Mengikut Etnik, Strata dan Negeri, Malaysia, 1970-1992 (Peratus)

<b>TAHUN</b>	<b>1970</b>	<b>1976</b>	<b>1979</b>	<b>1984</b>	<b>1987</b>	<b>1989</b>	<b>1992</b>
Malaysia	49.3	37.7	37.4	20.7	19.4	16.5	12.4
<b>Etnik</b>							
Bumiputera	64.8	46.4	49.2	28.7	26.6	23.0	17.5
Cina	26.0	17.4	16.5	7.8	7.0	5.4	3.2
India	39.2	27.3	19.8	10.1	9.6	7.6	4.5
Lain-lain	44.8	33.8	28.9	18.8	20.3	22.8	21.7
<b>Strata</b>							
Bandar	21.3	15.4	17.5	8.5	8.5	7.1	4.7
Luar Bandar	58.7	45.7	45.8	27.3	24.8	21.1	21.2
<b>Negeri</b>							
Johor	45.7	29.0	18.2	12.2	11.1	9.8	5.6
Kedah	63.2	61	53.8	36.6	31.3	29.9	21.2
Kelantan	76.1	67.1	55.0	39.2	31.6	29.6	29.5
Melaka	44.9	32.4	20.4	15.8	11.7	12.4	8.5
Negeri Sembilan	44.8	33.0	26.3	13.0	21.5	9.1	8.1
Pahang	43.2	38.9	26.9	15.7	12.3	10.0	6.9
P.Pinang	43.7	32.4	19.7	13.4	12.9	8.7	4.0
Perak	48.6	43.0	30.5	20.3	19.9	19.2	10.2
Perlis	73.9	59.8	63.1	33.7	29.1	17.4	19.8
Selangor	29.2	22.9	14.5	8.6	8.9	7.6	4.3
<b>Terengganu</b>	<b>68.9</b>	<b>60.3</b>	<b>53.1</b>	<b>28.9</b>	<b>36.1</b>	<b>31.3</b>	<b>25.6</b>
Sabah & WP Labuan	n.a.	58.3	40.7	33.1	35.3	29.7	27.8
Sarawak	n.a	56.5	47.8	31.9	24.7	21.0	19.2
Kuala Lumpur	n.a	n.a	-	4.9	5.2	3.7	1.7
WP Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a

(Sumber: i.Penyiasatan Selepas Banci, 1970. ii. Banci Pertanian 1977, Malaysia. iii. Penyiasatan-Penyiasatan Pendapatan Isis Rumah.iv.Kompilasi statistik)

berada tempat ketiga dengan kadar 68 peratus selepas Kelantan dan Perlis masing-masing 76.1 peratus dan 23.9 peratus. Manakala pada tahun 1989, negeri Terengganu pula mempunyai peratus kemiskinan yang paling tinggi di Malaysia dengan

<sup>37</sup> Ukuran kemiskinan yang sering digunakan untuk melihat fenomena kemiskinan di suatu kawasan adalah **insiden kemiskinan**. Insiden kemiskinan dapat ditakrifkan sebagai peratusan penduduk yang memiliki pendapatan yang kurang dari jumlah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan sara hidup (**peratus kemiskinan**). Walaupun demikian, kemiskinan memiliki banyak dimensi selain dimensi pendapatan.

peratusannya 31.3 peratus berbanding dengan negeri Perlis telah menurun kepada 17.4 peratus.

Keadaan tersebut memerlukan jawapan kepada persoalan kemiskinan di Terengganu yang tinggi sehingga berakhirnya tempoh DEB. Tambahan pula, bermula Rancangan Malaysia Ketiga, Terengganu telah memperoleh pendapatan yang besar daripada sumber petroleum, namun tidak banyak mengubah kedudukan tersebut. Oleh itu, penyelidikan akan menganalisis persoalan-persoalan berhubung dengan pencapaian dan kesan membasmi kemiskinan terhadap orang-orang Melayu di Terengganu dalam sektor pertanian sehingga tahun 1990.

Bagi menentukan kadar kemiskinan dalam penyelidikan ini, analisis kemiskinan adalah merujuk kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) \$140 sebulan atau \$25 perkapita sebulan pada tahun 1970. Pada tahun 1986, PGK yang diguna pakai oleh Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU) dan Bank Dunia (IBRD) antara \$300 sebulan bagi sebuah isi rumah dan \$400 sebulan selepas mengambil kira kenaikan harga pengguna dan pengurangan kecil dalam saiz isi rumah purata.<sup>38</sup> Manakala kerajaan menggunakan kadar \$380 sebulan sebagai penanda aras PGK. Pada tahun 1988, garis kemiskinan PGK sebanyak \$529.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan \$600.00 di Sabah serta Sarawak. Oleh itu, semua analisis tentang kadar kemiskinan dalam penyelidikan ini dibuat berdasarkan data-data tersebut.

---

<sup>38</sup> Mohd Haflah Piei dan Chamhuri Siwar, *Rancangan Malaysia Kelima*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm.38-39.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ekonomi Terengganu khususnya dalam sektor pertanian orang Melayu dari tahun 1956 hingga 1990, menyumbang maklumat yang sangat penting kepada anak watan, para sejarahwan, intelektual-intelektual, ahli-ahli politik dan semua ahli masyarakat bagi perkembangan ekonomi pertanian negeri Terengganu. Dengan penyelidikan yang bertajuk “Ekonomi Pertanian Orang Melayu di Terengganu, 1956-1990: Dasar, Pelaksanaan, dan Kesan” adalah diharapkan dapat mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengkaji dan meneliti dasar, pelaksanaan, serta kesan ekonomi pertanian ke atas orang Melayu di Terengganu semasa penjajahan British, pendudukan Jepun serta pentadbiran Kerajaan Siam ke atas negeri Terengganu sebelum tahun 1956.
- ii. Menganalisis kesan pelaksanaan dasar ekonomi pertanian dan kesannya ke atas orang Melayu di Terengganu dalam tempoh Rancangan Malaya Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima (1956-1970).
- iii. Mengukur pencapaian pelaksanaan dasar membasmi kemiskinan dalam kalangan petani, penternak dan nelayan Melayu di Terengganu dalam tempoh DEB.

#### **1.5 Justifikasi / Permasalahan Kajian**

Sebelum merdeka, Terengganu mempunyai peratusan penduduk Melayu yang tertinggi di Malaysia yang melebihi 91.5% dan lebih 70% penduduk Terengganu

terlibat dalam sektor pertanian adalah miskin. Kedatangan penjajah British dan Jepun selepas tahun 1910 dengan dasar-dasar ekonomi mereka telah meminggirkan orang Melayu daripada arus perdana. Dengan pelbagai dasar termasuk dalam sektor pertanian, orang Melayu menjadi mangsa kepada penjajah yang hanya untuk mengekalkan sebagai pengeluar padi bagi menampung bekalan makan utama negara ketika itu. Sehingga merdeka, orang Melayu terus miskin walaupun lebih 50 tahun di bawah pentadbiran mereka. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa amatlah wajar persoalan tersebut dikaji dan diteliti.

Setelah merdeka, kerajaan telah menyedari bahawa kedudukan sosioekonomi orang Melayu khususnya, ketinggalan dalam semua bidang dan kerajaan telah membentuk Rancangan Lima Tahun dari Rancangan Malaya Pertama sehingga Rancangan Malaysia Pertama. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan taraf hidup dengan mengutamakan pembangunan infrastruktur dan pertanian selama 15 tahun sehingga tahun 1970. Rancangan Lima Tahun kerajaan diteruskan selama 20 tahun lagi sehingga 1990 dengan segala macam perancangan telah dibentuk dan dilaksanakan dengan perbelanjaan yang besar, namun tidak menampakkan kejayaan yang membanggakan. Tambahan pula, bermula tahun 1976 negeri Terengganu memperoleh pendapatan royalti petroleum yang besar sehingga tahun 1990.

Selain itu, dari segi perkembangan ekonomi Terengganu berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, negeri Terengganu berada dalam kategori negeri-negeri tidak maju dengan pendapatan per kapita rakyat yang rendah. Sehingga 1988, paras kemiskinan di Terengganu masih pada paras 38.1 % dengan pendapatan Dalam Negara Kasar (KDNK) perkapita negeri Terengganu ialah \$5,951.7 juta. Jumlah yang besar ini

datang dari sektor perlombongan dan kuari, dengan memberi sumbangan sebanyak \$2,620.6 juta kepada KDNK Terengganu pada tahun 1988. Manakala KDNK sektor pertanian pada tahun 1985 hanya sebanyak \$434.3 juta berbanding KDNK keseluruhan pada tahun tersebut ialah sebanyak \$3,714.3 juta. Pada tahun 1990 pula, KDNK sektor pertanian berjumlah \$505.0 juta daripada \$5,406.4 juta dengan kadar pertumbuhan hanya 3.2 peratus dari tahun 1985 hingga 1990. Sedangkan kedua-dua sektor tersebut menyumbang guna tenaga yang kecil manakala guna tenaga dalam bidang pertanian adalah tinggi dengan kadar upah yang rendah menyebabkan kemiskinan yang berterusan dalam sektor pertanian. Justeru, penyelidik berpendapat bahawa alasan-alasan tersebut mewajarkan penyelidikan ini dibuat untuk menganalisis pelaksanaan dasar dan kesannya ke atas orang Melayu dalam sektor pertanian di Terengganu sehingga tahun 1990.

Setelah DEB dibentuk dan dilaksanakan dengan dasar pembasmian kemiskinan, namun sehingga berakhirnya DEB pada tahun 1990, matlamat tersebut masih tidak berjaya. Oleh itu, beberapa persoalan besar perlu dikenalpasti dalam penyelidikan ini. Selain itu, mengikut Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri, di Malaysia pada tahun 1970-1992 mendapati bahawa negeri Terengganu adalah antara negeri yang mempunyai insiden kemiskinan yang tertinggi bersama Perlis, Kedah, dan Kelantan. Sebagai contoh, pada tahun 1970, negeri Terengganu mempunyai peratusan Insiden Kemiskinan sebanyak 68.9% diikuti 73.9% Perlis, dan Kelantan sebanyak 76.1%. Manakala Insiden Kemiskinan pada tahun 1989 pula, Terengganu mencatatkan negeri yang tertinggi dengan peratusan sebanyak 31.3%, di ikuti negeri Kedah 29.9% dan Kelantan 29.6%. Oleh itu, persoalan kemiskinan orang Melayu

yang ketiga tertinggi di Malaysia pada tahun 1990 mewajarkan penyelidikan ini dibuat bagi mengukur pencapaian dasar membasmi kemiskinan di Terengganu.

Oleh itu, penyelidik cuba mengkaji, meneliti, menganalisis dan mengukur permasalahan tersebut serta berpendapat bahawa sangatlah wajar penyelidikan mengenai Ekonomi Pertanian Orang-Orang Melayu di Terengganu, dari tahun 1956 hingga 1990 dari segi dasar, pelaksanaan, dan kesannya dijalankan.

### **1.5 Skop dan Batasan Kajian**

Skop penyelidikan ini meliputi dasar-dasar, pelaksanaan, dan kesan ekonomi pertanian melibatkan orang-orang Melayu di Terengganu selama 35 tahun, iaitu dari tahun 1956 hingga 1990. Termasuk dalam bidang kajian ini adalah sektor pertanian, penternakan dan perikanan. Kajian ini juga bertumpu kepada peranan agensi-agensi kerajaan negeri Terengganu dan Kerajaan Persekutuan yang menubuhkan agensi-agensi mereka dalam bidang pertanian bagi meninggikan pendapatan petani. Selain itu, kajian cuba menjelaskan kesan dasar-dasar yang diperkenalkan terhadap petani, penternak dan nelayan Melayu dari segi pendapatan dan taraf hidup serta matlamat pertanian negara itu sendiri dalam tempoh setiap Rancangan Lima Tahun Malaya dan Malaysia dari tahun 1956 hingga 1990. Tempoh yang dipilih meliputi 35 tahun pula mengambil kira cara dasar sektor pertanian yang dilaksanakan berdasarkan pra-DEB dan semasa DEB kerana dasar pertanian sebelum DEB lebih umum dan berjalan bersama dengan dasar-dasar kerajaan dalam bidang sosial, dan ekonomi lain iaitu lebih kepada peningkatan taraf hidup dan infrastruktur yang lebih baik ketika itu. Berbanding semasa DEB pula, penekanan yang jelas oleh kerajaan terutama kepada

orang-orang Melayu yang sememangnya miskin dan sebahagian besarnya berada di luar bandar. Sektor pertanian dipilih kerana sektor tersebut merupakan kegiatan ekonomi utama rakyat Terengganu dari zaman tradisional lagi dan masih menjadi penyumbang utama kepada pendapatan rakyat dan negeri serta menyediakan peluang pekerjaan yang terbesar di Terengganu sehingga tempoh kajian. Jelasnya sektor pertanian tersebut perlu dianalisis bagi menjelaskan perkembangan ekonomi Terengganu dari tahun 1956 hingga 1990.

Tempoh masa kajian 1956 hingga 1990 dipilih bagi perkembangan ekonomi Terengganu berdasarkan kronologi perkembangan ekonomi melibatkan sektor pertanian. Perkembangan dalam tempoh 35 tahun dapat menjelaskan kekuatan dan kelemahan setiap sektor. Selain itu tempoh yang dipilih juga berdasarkan dua tempoh jangka panjang pembangunan negara iaitu rancangan pembangunan sebelum DEB (Pra-RRJP 1), iaitu pada tahun 1956 hingga 1970 dan Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 (RRJPP 1) pada tempoh 1971-1990 di Terengganu. Dalam penyelidikan ini, Pra-RRJP 1, RRJP 1, dan Rancangan Lima Tahun (RTL) Kerajaan Persekutuan hanyalah sebagai kerangka kajian dan penyelidik memfokuskan kajian ini kepada dasar-dasar, pelaksanaan ekonomi pertaniandi Terengganu serta kesannya ke atas orang-orang Melayu di Terengganu sepanjang tempoh 1956-1990. Perkembangan ekonomi pada dua tempoh tersebut dapat mengukur pencapaian ekonomi pertanian sebelum DEB dan semasa DEB khususnya dalam sektor-sektor yang berkaitan. Secara keseluruhannya pemilihan tajuk dan tempoh kajian tersebut, penilaian perkembangan ekonomi dapat dikaji dalam sektor pertanian. Malah pencapaian sebelum dan selepas DEB serta perkembangan setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun dapat diukur dan dibandingkan sepanjang dua tempoh tersebut.